

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PERASMIAN BANGUNAN IKIM

TEMPAT: JALAN DUTA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 24 MAR 1994

MASA:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) kerana menjemput saya untuk merasmikan bangunan baru IKIM pada hari ini.

2. IKIM ditubuhkan kerana kesedaran bahawa kebanyakan daripada masalah umat Islam berpunca daripada kefahaman dan perbezaan kefahaman berkenaan ajaran agama Islam di kalangan penganut agama Islam dan juga di kalangan orang bukan Islam. Sepatutnya orang Islam dengan orang Islam tidak bersengketa dan bermusuhan-musuhan. Tetapi hakikatnya ialah mereka sering bersengketa sesama sendiri, bahkan berperang sesama sendiri walaupun agama menegaskan bahawa orang Islam adalah bersaudara. Permusuhan sesama Islam kerap kali disebabkan oleh perbezaan kefahaman berkenaan dengan ajaran Islam. Di beberapa buah negara Islam puak ekstrimis sanggup membunuh orang yang seagama dengan mereka dan orang asing dalam usaha mereka untuk menggulingkan Kerajaan. Dengan itu banyak negara Islam yang menjadi lemah dan mudah diperalatkan oleh kuasa-kuasa asing. Islam dan umat Islam tidak sedikit pun mendapat keuntungan daripada perbezaan kefahaman yang menjadi punca tindakan ekstrimis ini.

3. Di waktu yang sama terdapat permusuhan dan ketegangan perhubungan di antara orang Islam dengan orang bukan Islam. Di seluruh dunia terdapat perhubungan yang buruk di antara orang Islam dengan orang bukan Islam sehingga rusuhan dan peperangan berlaku sepanjang zaman. Dan ini juga berpunca daripada perbezaan kefahaman atau kurang kefahaman terutamanya berkenaan agama Islam oleh orang bukan Islam dan sebaliknya.

4. Sebenarnya, hampir semua masalah dalam masyarakat berpunca daripada perbezaan kefahaman berkenaan perkara-perkara tertentu. Demikian ketegangan perhubungan di antara Malaysia dengan Britain di saat ini adalah kerana perbezaan kefahaman berkenaan kebebasan akhbar. Sementara Malaysia mentafsir kebebasan ini sebagai kebebasan melaporkan perkara yang benar, di Barat kebebasan akhbar bermakna hak untuk melaporkan yang tidak benar dan membohong.

5. Kita kadang-kadang bercerita berkenaan dengan kefahaman yang berbeza-beza antara empat orang buta akan apakah dianya

gajah setelah mereka merasai dengan tangan bahagian-bahagian gajah yang berlainan itu. Tetapi sebenarnya antara orang yang celik sekalipun terdapat pendapat dan persepsi yang berbeza-beza akan apa sahaja yang mereka lihat.

6. Bagi umat Islam, kefahaman mereka akan ajaran Islam bergantung kepada tafsiran dan ajaran guru-guru dan ulama-ulama yang mempelajari, mengkaji dan mentafsir isi kandungan al-Quran, hadith dan kitab-kitab lain. Ajaran dan tafsiran guru dan ulama ini pula bergantung pada kefahaman mereka akan apa yang mereka pelajari dan kaji. Sama ada disadari atau tidak alim-ulama ini dipengaruhi oleh nilai-nilai dan pegangan masyarakat di sekeliling dan kepentingan-kepentingan tertentu. Demikian jika masyarakat tidak toleran terhadap agama lain, maka ajaran al-Quran berkenaan dengan toleransi tidak dihuraikan. Atau jika ada sesuatu tujuan yang hendak dicapai, maka dipilih-pilihnya ajaran yang menyokong tujuan tersebut. Dengan itu umat Islam mendapat panduan agama yang hanya separuh benar.

7. Kefahaman terhadap sesuatu masalah atau hukum tidak selalunya sama di antara seorang ulama dengan ulama yang lain. Dengan itu terdapat perbezaan pendapat dan tafsiran di antara satu imam dengan imam yang lain, di antara seorang ulama dengan ulama yang lain. Perbezaan kefahaman ini boleh menjadi begitu luas sehingga masing-masing tidak sanggup menerima ajaran pihak yang lain. Dengan ini berlakulah perpecahan di kalangan pengikut agama yang satu. Perpecahan yang ketara ialah di antara puak Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan golongan Syiah. Bukan sahaja mereka mempunyai perbezaan pendapat tentang siapa yang sepatutnya mengambil tempat sebagai pemimpin umat Islam selepas wafatnya Nabi Muhammad s.a.w., tetapi berkenaan dengan berbagai-bagai ajaran Islam terdapat perbezaan yang ketara antara mereka.

8. Demikianlah perbezaan ini sehingga mereka menuduh pihak yang lain tidak Islam dan sanggup berperang sesama mereka kerana pendapat yang berbeza ini.

9. Kepimpinan umat sebenarnya adalah isu politik. Tetapi isu ini dijadikan isu agama dan masing-masing mendakwa kononnya mereka berjihad semasa berperang sesama sendiri. Dengan itu umat Islam yang satu, yang sepatutnya bersaudara akhirnya berpecah kepada dua mazhab yang bertentangan secara berkekalan.

10. Tetapi perpecahan tidak tamat dengan kewujudan puak Syiah dan Sunni. Beberapa imam dalam puak-puak ini membuat tafsiran yang berlainan berkenaan dengan berbagai-bagai ajaran Islam kerana kefahaman mereka berikutan dengan pelajaran, kajian dan tafsiran berbagai-bagai sumber ajaran agama. Maka berpecahlah lagi umat Islam kepada banyak mazhab kecil dan berbagai-bagai kumpulan. Masing-masing berpegang kuat kepada ajaran imam masing-masing.

11. Sementara kebanyakan perbezaan ini tidak sebenarnya

menyeleweng daripada ajaran Islam, tidak dapat tidak ada yang lari jauh daripada ajaran Islam sehingga tidak lagi boleh dikatakan daripada ajaran Islam. Antara ajaran-ajaran yang jauh menyeleweng ialah dakwaan bahawa orang tertentu adalah setaraf dengan nabi atau pemimpin kumpulan tertentu sebenarnya adalah Imam Mahdi yang telah menjelma hidup setelah tidak ada beratus-ratus tahun.

12. Oleh kerana umat Islam biasanya tidak mampu memahami ajaran agama Islam dengan hanya membaca al-Quran atau Hadith sendiri sama ada dalam bahasa Arab atau bahasa lain, maka siapa sahaja yang dianggap mampu mentafsir ajaran agama akan diterima sebagai pengajar dan pentafsir. Sementara kebanyakan daripada mereka ini adalah orang yang ikhlas dan tidak berkepentingan, terdapat juga ramai yang mengambil peluang daripada kelemahan pengetahuan umat Islam biasa untuk membuat berbagai-bagai tafsiran atau mencari pengaruh. Dengan itu bukan sahaja terdapat ajaran karut berkembang, tetapi akidah ramai umat Islam terancam dan mungkin menyeleweng. Yang lebih bahaya ialah ada yang sengaja mengajar agama dengan tujuan mengekal pengaruh mereka ke atas pihak yang sanggup mempelajari agama daripada mereka. Demikianlah berkesannya pengaruh ulama atau guru agama sehingga pengikut kadang-kadang sanggup membuat sesuatu yang salah jika diarah berbuat demikian. Inilah yang menyebabkan keganasan dan kebengisan kerap kali dilakukan oleh kumpulan-kumpulan ekstrimis orang Islam terhadap orang Islam lain atau Kerajaan Negara Islam.

13. Pengaruh yang kuat seperti ini ada baiknya juga. Tetapi jika disalahgunakan, hasilnya amatlah buruk. Demikian pengajaran bahawa ilmu selain daripada yang bersangkutan dengan agama adalah sekular dan tidak perlu bahkan ditegah daripada dipelajari oleh orang Islam telah menyebabkan hampir semua umat Islam ketinggalan zaman, lemah dan tertindas. Adalah jelas bahawa keadaan kefahaman yang lemah terhadap ajaran agama Islam yang sebenar bukan sahaja telah menyebabkan mereka terbahagi kepada ratusan mazhab, kumpulan, tarikat dan sebagainya tetapi telah menjadikan mereka mundur dan lemah. Buat beberapa dekad pada awal kurun ke-20 semua orang Islam dan negara Islam telah dijajah. Jika tidak kerana kemunculan beberapa tokoh Islam yang berjaya menghidupkan semula semangat umat Islam, penjajahan terhadap negara-negara Islam mungkin kekal hingga sekarang. Malangnya semangat keIslaman sahaja tidak mencukupi. Tidak kurang pentingnya ialah pengetahuan yang luas serta ilmu-ilmu moden dan teknologi.

14. Keadaan menjadi lebih rumit kerana dengan peredaran zaman dan pertaburan umat Islam, mereka menjadi lebih terdedah kepada orang bukan Islam di negara mereka dan di negara asing di mana mereka berhijrah. Perhubungan mereka dengan bukan Islam menjadi masalah kerana mereka tidak faham apakah sebenarnya kehendak agama Islam dalam perhubungan ini. Di masa yang sama orang bukan Islam pula tidak memahami apa dianya agama Islam. Mereka membuat tafsiran mereka sendiri yang kerap kali tidak benar dan tidak tepat

tentang apa dianya agama Islam.

15. Dengan kefahaman yang kerap kali salah di kalangan kedua-dua pihak maka perhubungan antara orang Islam dengan bukan Islam biasanya tegang. Permusuhan dan peperangan kerap berlaku. Yang sedihnya ialah oleh kerana 'misconception' atau ketidakfahaman orang bukan Islam terhadap agama Islam dan umat Islam, ramai orang Islam dan negara-negara Islam tertekan dan ditindas.

16. Di zaman ini terdapat seribu juta umat Islam di seluruh dunia. Ini bermakna setiap lima orang umat manusia seorang adalah beragama Islam. Sementara kebanyakan daripada orang Islam tinggal di negara-negara majoriti Islam, ratusan juta lagi tinggal sebagai minoriti di negara-negara bukan Islam. Biasanya terdapat 'bias' terhadap orang Islam dan agama Islam di negara-negara bukan Islam dan di kalangan orang bukan Islam. Demikianlah pandangan serong ini sehingga apabila orang Islam ditindas dan dibunuh dengan kejam seperti di Bosnia dan Israel, majoriti masyarakat manusia memandang penindasan dan pembunuhan orang Islam sebagai perkara ringan. Sebaliknya apabila orang Islam tidak lagi dapat membendung perasaan, lalu bertindak balas, mereka dicap sebagai 'terrorist'. Sebab itu apabila seorang Yahudi rakyat Israel menembak mati 50 orang Muslim yang sedang bersembahyang dan mencedera berpuluh-puluh lagi, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tidak mengecam perbuatan ini sebagai 'terrorism'. Hanya orang Islam sahaja boleh dicap sebagai 'terrorist'. Orang lain yang membunuh orang Islam bukan 'terrorist'.

17. Semua ini berpunca daripada salah faham orang bukan Islam tentang apa dianya agama Islam, walaupun kadang-kadang orang Islam sendiri yang menyebabkan salah faham ini. Jika perhubungan di antara orang Islam dengan orang bukan Islam hendak dibaiki maka amatlah penting asas-asas Islam sekurang-kurangnya difahami oleh bukan Islam. Di masa yang sama orang Islam sendiri perlu tahu tentang ajaran Islam berkenaan dengan perhubungan di antara mereka dengan bukan Islam. Mereka harus tahu bahawa Allah yang menentukan adanya orang yang bukan beragama Islam.

18. Dalam Surah Yunus, Ayat 99, Allah berfirman:
" Dan (bukanlah tanggungjawabmu Wahai Muhammad menjadikan seluruh umat manusia beriman), jika Tuhanmu menghendaki nescaya berimanlah sekalian manusia yang ada di bumi, maka patutkah engkau pula hendak memaksa manusia supaya mereka menjadi orang-orang yang beriman ".

19. Jika Rasulullah sendiri dilarang daripada memaksa semua orang supaya beriman, apakah kita umat Islam biasa harus memaksa. Sebenarnya kita diarah untuk berbaik-baik dengan orang bukan Islam yang tidak bermusuhan dengan kita. Berbaik-baik tentulah memerlukan toleransi terhadap adat resam, budaya dan amalan penganut-penganut agama lain. Dalam surah Al-An'aam Ayat 108, Allah berfirman:

" Dan janganlah kamu cerca benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, kerana mereka kelak akan mencerca Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan " .

20. Di sebaliknya, jika orang bukan Islam tidak dipengaruhi oleh sejarah permusuhan Islam/bukan Islam, serta pandangan serong pihak-pihak tertentu, serta memahami bahawa Islam "is a religion of peace and tolerance", maka mereka tidak akan mempunyai syak-wasangka terhadap orang Islam.

21. Penubuhan IKIM berasaskan kepada pengenalan pasti bahawa kebanyakan daripada masalah perhubungan di antara manusia dengan manusia, terutama yang berlainan agama adalah disebabkan oleh kefahaman yang berbeza-beza berkenaan dengan perkara yang sama. Jika kajian dapat dibuat secara objektif berkenaan dengan perkara-perkara tertentu oleh semua pihak, maka sedikit sebanyak akan berkuranganlah perbezaan kefahaman berkenaan dengan masing-masing. Di masa yang sama segala tafsiran oleh orang yang berkepentingan dapat dibendung dan dikaji oleh ulama-ulama yang tidak berkepentingan untuk menentukan hanya ajaran Islam yang sebenar sahaja diterima dan disebarkan kepada umat Islam.

22. Penyertaan orang bukan Islam dalam seminar-seminar yang dianjurkan oleh IKIM merupakan aspek yang penting dalam usaha meningkatkan kefahaman orang bukan Islam berkenaan dengan asas-asas sebenar agama Islam. Penyertaan mereka juga akan menolong alim-ulama Islam atau 'Muslim scholars' memahami pandangan dan kefahaman orang bukan Islam terhadap agama Islam dan umat Islam. Dengan ini dapatlah kita betulkan sebarang salah kefahaman yang mungkin ada di kalangan orang bukan Islam terhadap agama Islam dan orang Islam, sekurang-kurangnya di Malaysia.

23. Sebenarnya tidak ada sebab kenapa orang Islam dan orang bukan Islam bermusuh-musuhan. Jika kita mengambil iktibar daripada Sunnah Nabi sudah tentu orang Islamlah yang perlu dipercayai oleh bukan Islam.

24. Malah ditegaskan juga bahawa sekiranya anak memeluk Islam dan ibu bapanya masih beragama lain, maka anak ini tidak boleh memutuskan hubungan dengan ibu bapanya. Ia mestilah menunaikan tugasnya sebagai anak kepada ibu bapanya itu walaupun mereka masih berlainan agama.

25. Ditakdirkan umat Islam mempunyai tawanan perang dan sebagainya, Islam melarang umatnya daripada berlaku zalim dan kejam terhadap tawanan ini. Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman dalam Surah Al-Insaan, Ayat 8:

" Dan mereka (iaitu orang yang beriman) memberi makanan yang disukainya kepada orang miskin, anak yatim dan orang yang ditawan " .

26. Al-Quran juga mengajar kita supaya jangan terikut-ikut dengan emosi liar. Kejahatan musuh kita tidak sepatutnya

disusuli dengan kejahatan daripada pihak umat Islam. Jika kita ingin membalas kejahatan dan kezaliman, cara yang kita gunakan itu tidak sepatutnya sehingga menjatuhkan kredibiliti kita sebagai umat yang mulia, adil dan saksama, walaupun dalam ketegasan. Dalam Surah Al-Maa-idah, Ayat 8, Allah berfirman:

" Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum mendorong kamu untuk tidak berlaku adil.... "

27. Keadilan dan toleransi yang berprinsip ini dicatat dalam sejarah bagaimana masyarakat Kristian dan Yahudi ketika Sepanyol di bawah Bani Umayyiah dan Baghdad di bawah Bani Abassiyah mendapat peluang yang saksama untuk belajar bersama-sama penuntut Muslim di madrasah, pusat pengajian tinggi dan juga asrama yang dibiayai oleh kerajaan Muslim ketika itu. Tidak ada 'inquisition' di bawah pemerintahan Islam.

28. Rasulullah s.a.w. pula mengajar umat Islam supaya tidak menjadikan dendam sebagai penghalang bagi kita melakukan kebaikan. Sewaktu kaum kafir Quraish menghadapi kemarau, Rasulullah s.a.w. memberi pertolongan kepada yang miskin di kalangan mereka dalam bentuk wang.

29. Asmak binti Abu Bakar pula menceritakan bagaimana Rasulullah s.a.w. menasihati beliau supaya berbuat baik dengan ibunya yang musyrik ketika itu.

30. Teladan toleransi Rasulullah s.a.w. juga disaksikan dalam bentuk sikap Rasulullah s.a.w. apabila Baginda menziarahi mereka yang sakit tanpa mengira agama mereka. Daripada segi prinsipnya Baginda tidak membezakan di antara Muslim ataupun tidak.

31. Pernah satu ketika, Baginda berdiri menghormati jenazah seorang Yahudi yang lalu. Bagi Baginda, Yahudi itu juga adalah seorang makhluk Allah Subhanahu wa Ta'ala yang mempunyai jiwa manusia.

32. Pada masa yang lain pula, apabila sebuah rombongan Kristian Najran ingin berjumpa dengan Rasulullah s.a.w., mereka memasuki masjid Baginda dan ingin melaksanakan sembahyang mereka sebab waktu sudahpun masuk bagi mereka. Walaupun ada sahabat menghalang mereka, Rasulullah s.a.w. bersabda:

" Biarkan mereka sembahyang ". Lalu, mereka pun sembahyang dengan menghadap ke arah timur.

33. Teladan Rasulullah s.a.w. ditanam ke dalam hati dan jiwa umat Islam selepas kewafatan Baginda. Sayidina Umar Al-Khattab pernah memberi pendapatan tetap daripada dana Baitulmal untuk seorang Yahudi serta keluarganya. Beliau juga pernah memberi bantuan kewangan daripada sumber yang sama kepada sekumpulan Kristian yang berpenyakit kusta.

34. Keprihatinan beliau terhadap nasib masyarakat bukan

Islam berterusan sehingga beliau menghadapi saat-saat kematian. Sayidina Umar berpesan kepada bakal penggantinya supaya berlaku adil kepada yang bukan Islam, sempurnakan janji di antara umat Islam, berjuang untuk melindungi masyarakat bukan Islam di bawah jagaan kerajaan Islam dan elakkan daripada terlalu membebankan mereka.

35. Jika semua orang Islam tahu dan faham akan ajaran Islam daripada al-Quran, hadith dan Sunnah, kitab-kitab dan sejarah maka bukan sahaja perhubungan di antara orang Islam dengan bukan Islam akan menjadi baik, tetapi bukan Islam akan memahami ajaran dan prinsip agama Islam yang tepat dan benar. Dengan itu akan terbuktilah toleransi Islam dalam hubungan dengan semua pihak.

36. Dengan harapan dan doa bahawa Institut Kefahaman Islam ini akan dapat menolong orang Islam dan bukan Islam memahami agama Islam yang sebenar, saya dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim merasmikan bangunan Institut Kefahaman Islam Malaysia ini.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.